

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN BELANJA DI LUAR NEGARA ATAU DALAM TALIAN DAN MENANG WANG TUNAI DENGAN KAD DEBIT AGROBANK (KAD DEBIT AGRO BISNES-*i* / KAD DEBIT AGRO KORPORAT-*i*)

1. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen ini akan bermula dari **1 JULAI 2024 sehingga 30 SEPTEMBER 2024**.

2. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Agrobank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank dan dikenal pasti sebagai pemenang.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada **semua pemegang Kad Debit AGRO Bisnes-*i* dan Kad Debit AGRO Korporat-*i* berumur 18 tahun dan keatas, tidak termasuk kakitangan Agrobank**. Walau bagaimanapun, ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Agrobank dibenarkan untuk menyertai Kempen ini.
b) Kempen ini khusus untuk Pelanggan Agrobank yang memiliki Kad Debit AGRO Bisnes-*i* dan Kad Debit AGRO Korporat-*i* dengan membuat pembelian di luar negara atau e-dagang dalam mata wang asing untuk segala jenis **makanan, minuman, barangan dan perkhidmatan yang halal dari sudut pandangan Islam**.
c) Pemegang Kad Debit AGRO Bisnes-*i* dan Kad Debit AGRO Korporat-*i* perlu membuat transaksi minimum RM100 (mata wang asing bersamaan RM100) dalam satu transaksi untuk melayakkan diri bagi menyertai cabutan hadiah.

4. MEKANISMA KEMPEN

Kriteria Penyertaan	Mata Penyertaan
Pelanggan Aktif: Belanja minimum RM100 dalam satu transaksi dengan Kad Debit AGRO Bisnes- <i>i</i> dan Kad Debit AGRO Korporat- <i>i</i> .	1
*Pelanggan Tidak Aktif: Belanja minimum RM100 dalam satu transaksi dengan Kad Debit AGRO Bisnes- <i>i</i> dan Kad Debit AGRO Korporat- <i>i</i>	2** (untuk transaksi pertama)
Pelanggan Baharu: Belanja minimum RM100 dalam satu transaksi dengan Kad Debit AGRO Bisnes- <i>i</i> dan Kad Debit AGRO Korporat- <i>i</i>	3** (untuk transaksi pertama)

**Pelanggan Tidak Aktif bermaksud Pelanggan yang tidak melakukan sebarang transaksi dalam masa 3 bulan sebelum Tempoh Kempen.*

***Hanya untuk transaksi pertama sahaja. Transaksi seterusnya dengan perbelanjaan minimum RM100 dalam satu transaksi akan dikira 1 Mata Penyertaan.*

5. HADIAH KEMPEN

Mata Penyertaan	Hadiah*	Bil. Pemenang*	Jumlah
20 dan ke atas	RM2,000	15	RM30,000
	Jumlah	15	RM30,000

- *Setiap Pelanggan boleh mengumpul sebanyak mungkin mata penyertaan tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.*
- **Tertakluk pada Terma dan Syarat.*
- *Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun CASA Tawarruq pemenang*

6. PEMILIHAN PEMENANG

- Pelanggan hendaklah **memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.**
- Nama pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my. Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang diberikan kepada pihak Agrobank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi walaupun ketiga-tiga panggilan telah dibuat, pihak Agrobank berhak untuk menawarkan hadiah yang dimenangi kepada pemenang simpanan.
- Hadiah yang dimenangi oleh pemenang tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, pihak Agrobank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada maklumat awal yang diberikan kepada Pelanggan melalui laman sesawang rasmi Agrobank.
- Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk membenarkan Agrobank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Agrobank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.

7) PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:
 - i. Pusat Panggilan Agrobank 1-300-88-2476;
 - ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my;
 - iii. Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.
- c) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri produk dan servis yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj di cawangan Agrobank yang berdekatan.
- d) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Agrobank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Agrobank.
- e) Agrobank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Agrobank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- f) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Agrobank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Agrobank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Agrobank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan bagi menyertai Kempen ini.
- g) Jika terdapat sebarang keraguan dan masalah yang melibatkan Kempen ini dan juga sebarang bahan pemasaran yang digunakan dalam Kempen ini rujukan utama akan dilakukan kepada Terma Dan Syarat Kempen ini dalam versi Bahasa Melayu.